



Pakej PerantiSiswa Keluarga Malaysia ditender semula

Oleh **Hazira Ahmad Zaidi** - Mei 28, 2022 @ 5:37pm

bhnews@bh.com.my

KOTA BHARU: Pakej PerantiSiswa Keluarga Malaysia bagi penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) daripada golongan B40 dijangka diagihkan bermula Julai depan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, permohonan secara dalam talian bagi Pakej PerantiSiswa Keluarga Malaysia sudah dibuka bermula 15 April hingga 15 Mei bagi fasa pertama dan ia menerima kira-kira 100,000 permohonan dan ia kini sedang ditapis oleh jawatankuasa di peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) sebagai kementerian pelaksana.

Katanya, sebelum ini timbul pelbagai dakwaan apabila Pakej PerantiSiswa Keluarga Malaysia ditangguhkan sehingga menyebabkan program berkenaan perlu dikaji semula dan tidak akan dilaksanakan sama sekali.

"Program ini akan terus berjalan, cuma apa yang kita sedang lalui sekarang ini adalah sewaktu proses perolehan tender terbuka dijalankan dan dalam proses menilai tender, lembaga tender sudah membuat perakuan sekitar empat hingga lima syarikat yang diperakuan untuk membekalkan peranti dengan spesifikasi yang sudah ditetapkan.

"Oleh kerana proses tender semula perlu dilakukan dengan beberapa perubahan yang lebih kemas kepada syarat-syarat tender maka sedikit masa diperlukan oleh jawatankuasa berkenaan untuk memperincikan tender," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Rumah Mesra Aidilfitri Menteri Komunikasi dan Multimedia Bersama Komuniti Keluarga Malaysia Dan Rakyat Kelantan di Kompleks Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK), Padang Kala, di sini, hari ini.

Beliau berkata, tender yang baharu itu kemudiannya diputuskan untuk dibuat secara dalam talian berbanding sebelum ini menerusi manual dengan syarat-syarat yang dimasukkan berdasarkan arahan Kementerian Kewangan (MOF).

"Sebelum ini kita menjangkakan jika pembekal dapat membekalkan peranti berkenaan pada bulan Mei maka pada bulan Jun kita akan membuat agihan kepada pelajar yang layak.

"Jadi sekarang tender baharu sudah dibuka dan kita menjangkakan sebelum pertengahan bulan Jun pemilihan tender dapat diselesaikan serta diputuskan," katanya.

Mengulas lanjut Annuar berkata, Pakej PerantiSiswa Keluarga Malaysia akan diperluaskan kepada pelajar Institusi Pendidikan Guru (IPG) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) daripada kalangan B40 selain pelajar di bawah institusi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya iaitu Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

"Ini adalah disebabkan kita mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk memberi peranti percuma kepada jumlah penuntut yang lebih ramai," katanya.



Tan Sri Annuar Musa melayan tetamu pada Majlis Rumah Mesra Aidilfitri Menteri Komunikasi dan Multimedia Bersama Komuniti Keluarga Malaysia Dan Rakyat Kelantan -
Foto NSTP/ Nik Abdullah Nik Omar